

Tulisan khat diteruskan - PM

Oleh SUFFIAN ABU BAKAR
pengarang@utusan.com.my

■ MELAKA 3 OGOS

KERAJAAN memutuskan untuk terus melaksanakan pengenalan tulisan khat dan Jawi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 4 mulai tahun hadapan dan menganggap tentangan yang diterima hanya daripada segelintir pemimpin DAP.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, walaupun mendapat tentangan daripada pemimpin DAP dan pertubuhan mewakili pendidikan Cina, kerajaan percaya kepada dasar kemakmuran bersama malah tidak pernah membantah penggunaan tulisan dalam bahasa Cina.

Menurut beliau, tulisan Cina di negara ini dianggap istimewa tetapi ia tidak dibenarkan di negara lain antaranya Indonesia, Filipina dan Thailand kerana rakyat negara itu hanya dibenarkan menggunakan bahasa ibunda masing-masing.

"Jadi tidak kenalah kalau DAP kata kita tidak boleh belajar (tulisan) khat. Saya juga fikir bukan semua DAP (yang membantah) mungkin ada satu bahagian daripada parti itu yang menentang jadi kita ingat kita boleh teruskan," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab soalan seorang pelajar dalam sesi Townhall Semarak Merdeka yang diadakan di Hotel Hatten di sini hari ini.

Program tersebut yang disertai kira-kira 1,600 peserta diadakan sempena kunjungan Dr. Mahathir ke Melaka bagi merasmikan Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibat Jalur Gemilang 2019 malam ini. Mo-



DR. MAHATHIR MOHAMAD bersama peserta dan pelajar dalam dalam sesi Townhall Semarak Merdeka di Hotel Hatten, Melaka, semalam. - MINGUAN/AZLI AHAD

derator untuk sesi townhall itu ialah Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan dan Pelaburan negeri, Datuk Mohd. Rafiq Naizamohideen.

Kementerian Pendidikan semalam bertegas meneruskan pelaksanaan pengenalan tulisan khat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 4 pada tahun 2020 walaupun ditentang ramai

pemimpin DAP dan pertubuhan mewakili pendidikan Cina.

Menurut kementerian itu dalam satu kenyataannya, tulisan khat merupakan warisan bahasa Melayu yang penting untuk dipelajari, sejajar dengan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan.

Isu pengenalan tulisan khat dan Jawi mendapat bantahan

dua pertubuhan Cina, Gabungan Jawatankuasa Sekolah Cina (Dong Zong) dan Gabungan Peratuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong) yang menolak langkah tersebut.

Dong Zong dan Jiao Zong malah dilaporkan bertekad mahu mengadakan perhimpunan bagi membantah penambahan seni khat dalam mata pela-

jaran Bahasa Melayu Tahun 4 termasuk di sekolah vernakular seperti yang dirancang.

Dr. Mahathir berkata, tulisan khat merupakan satu warisan seni yang tinggi malah ketika kunjungannya ke Turki baru-baru ini, walaupun penduduk Turki menggunakan tulisan rumi namun mereka tetap mahir dalam tulisan khat.